

Abdullah mahu OIC selesai sengketa Iraq

Pendekatan baru dirangka pastikan askar AS, sekutu berundur

BA-22/5/2006

Daripada Khaidir A Majid

SHARM EL-SHEIKH: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyaran Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) memainkan peranan membantu menyelesaikan sengketa di Iraq dengan memperkenalkan pendekatan baru yang diketuai pertubuhan itu bagi membolehkan tentera Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya berundur.

Perdana Menteri berkata, selaku Presiden OIC beliau akan berbincang mengenai cadangan itu dengan pemimpin negara anggota lain secepat mungkin agar pendekatan baru itu dikemukakan bagi pertimbangan pihak yang terbabit.

Cadangan yang tidak diperincikan itu mungkin boleh direalisasikan menerusi inisiatif seperti Persidangan London yang memainkan peranan penting dalam mengakhiri perang di Bosnia beberapa tahun lalu.

Abdullah berkata, hakikatnya sekarang kehadiran tentera AS dan sekutunya menyumbang kepada sengketa puak Sunnah dan Syiah di Iraq.

“Adalah baik jika tentera AS dan sekutunya berundur. Namun, pengunduran berkenaan tidak boleh dilakukan secara mengejut. Ia perlu dilakukan apabila ada mekanisme alternatif yang boleh menjamin keselamatan.

“Langkah yang dicadangkan ini, sama ada diketuai oleh OIC atau Per-

tubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) boleh menjadi alternatif kepada kehadiran tentera AS dan sekutunya.

“Apa yang penting, cadangan ini mendapat persetujuan pihak di Iraq sendiri,” katanya pada sidang media pada hari kedua persidangan Forum Ekonomi Dunia (WEF), di pusat perancangan Laut Merah ini semalam.

Abdullah berkata sebelum mekanisme yang dicadangkan itu boleh dilaksanakan, pertubuhan itu perlu mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Iraq, Amerika Syarikat dan PBB.

“Jika semua yang terbabit berpendapat cadangan itu wajar dilaksanakan, pasukan AS dan sekutunya

boleh berundur dan inisiatif pimpinan OIC atau PBB itu boleh mula bertindak dengan kebenaran kerajaan negara itu,” katanya.

Abdullah juga berkata, Iraq sudah menyaksikan pertukaran rejim yang dipilih oleh rakyatnya dan kini tiba masanya untuk membangunkan semula negara itu.

Selain terbabit sebagai ahli panel dalam sesi bertajuk ‘Peningkatan Dialog Pengukuhan Kerjasama pada persidangan WEF mengenai Asia Barat itu, Abdullah turut mengadakan pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri Mesir, Ahmaed Mahmoud Nazif dan Setiausaha Agung OIC, Ekmeleddin Ihsanoglu, sebelum berlepas ke Jepun pada petangnya.